

# TEORI DAN KONSEP DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA



*Penyunting*

RAMLI DOLLAH  
RIZAL ZAMANI IDRIS  
ASMADY IDRIS  
LAI YEW MENG  
KAMARULNIZAM ABDULLAH



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# TEORI DAN KONSEP DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA

*Penyunting*

Ramli Dollah • Rizal Zamani Idris • Asmady Idris  
Lai Yew Meng • Kamarulnizam Abdullah


**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2025

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



1014075

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7662-67-1



e-Katalog

Muka taip teks:

Saiz taip teks dan *leading*:

Pembaca prof:

Editor naskhah:

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Century Schoolbook

11.5/14 poin

Alecia Angati

Ainun Jamil

Penerbit Universiti Malaysia Sabah

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS

88400 Kota Kinabalu, Sabah.

<https://umspress.com.my/>

# KANDUNGAN

	Muka Surat
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Singkatan	x
Prakata	xiv
Penghargaan	xvi
<b>1</b> <b>DINAMIKA DAN KEPELBAGAIAN PERSPEKTIF DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Ramli Dollah, Rizal Zamani Idris, Asmady Idris, Lai Yew Meng &amp; Kamarulnizam Abdullah</i>	1
<b>2</b> <b>REALISME KLASIK</b> <i>Wan Shawaluddin Wan Hassan</i>	24
<b>3</b> <b>REALISME DEFENSIF</b> <i>Ali Maksum</i>	49
<b>4</b> <b>KESELAMATAN NEGARA: PERUBAHAN DAN TRANSFORMASI</b> <i>Kamarulnizam Abdullah</i>	67
<b>5</b> <b>MENILAI TINGKAH LAKU NEGARA KECIL MELALUI HUKUM REALISME NEOKLASIKAL: MODEL GRAND STRATEGI TERHADAP KUASA BESAR</b> <i>Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan, Mohd Ikbal Mohd Huda &amp; Sity Daud</i>	86
<b>6</b> <b>LIBERALISME DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Aini Fatimah Roslam</i>	113

<b>7</b>	<b>NEOLIBERALISME DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Ramli Dollah</i>	155
<b>8</b>	<b>MARXISME DAN NEO-MARXISME DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Mohd Noor Yazid</i>	190
<b>9</b>	<b>KONSTRUKTIVISME SOSIAL</b> <i>Mimi Nur Atifah Ahmad Daud &amp; Asmady Idris</i>	210
<b>10</b>	<b>TEORI <i>ENGLISH SCHOOL</i></b> <i>Rizal Zamani Idris &amp; Asmady Idris</i>	241
<b>11</b>	<b>FEMINISME DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Yeyen Subandi</i>	257
<b>12</b>	<b>PASCA-STRUKTURALISME DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Hafiza Nur Adeen Nor Ahmad</i>	280
<b>13</b>	<b>TEORI KRITIKAL DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Suyatno Ladiqi</i>	299
<b>14</b>	<b>TEORI PASCA-KOLONIALISME DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Hafiza Nur Adeen Nor Ahmad, Diana Peters &amp; Suzalie Mohamad</i>	320
<b>15</b>	<b>SOSIOLOGI HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Sidik Jatmika</i>	348
<b>16</b>	<b>PENDEKATAN '<i>HEDGING</i>' DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA DAN DASAR LUAR</b> <i>Lai Yew Meng &amp; Kuik Cheng Chwee</i>	375

	<b>TEORI HEGEMONI DALAM KONTEKS HUBUNGAN ANTARABANGSA</b>	419
<b>17</b>	<i>Mohd Mahadee Ismail &amp; Muhammad Amir Munshi</i>	
<b>18</b>	<b>KONSEP KESELAMATAN INSAN</b> <i>Bakri Mat</i>	475
<b>19</b>	<b>COPENHAGEN SCHOOL DAN TEORI SEKURITISASI</b> <i>Ramli Dollah &amp; Kamarulnizam Abdullah</i>	520
<b>20</b>	<b>KESELAMATAN BUKAN TRADISIONAL</b> <i>Saiful Zizi Jalil</i>	546
<b>21</b>	<b>KESELAMATAN MARITIM</b> <i>Shazwanis Shukri</i>	569
<b>22</b>	<b>TEORI STRATEGI KETENTERAAN DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Zarina Othman, Siti Suhaiza Senin &amp; Hadi Yusri Hashim</i>	602
<b>23</b>	<b>TEORI NON-BARAT DALAM DISIPLIN ILMU HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Zaini Othman</i>	640
<b>24</b>	<b>MASA DEPAN DISIPLIN HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> <i>Ramli Dollah, Rizal Zamani Idris, Asmady Idris, Lai Yew Meng &amp; Kamarulnizam Abdullah</i>	679
	<b>Senarai Penyumbang</b>	699
	<b>Glosari</b>	704
	<b>Indeks</b>	721

# SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
5.1	Asas perbandingan realisme neoklasik, liberalisme dan dasar luar	98
6.1	Evolusi Teori Liberalisme	123
6.2	Perbandingan cabang Liberalisme	132
6.3	Andaian dan prinsip asas Liberalisme	137
6.4	Teori Liberalisme dan kepentingan dalam bidang Hubungan Antarabangsa	141
6.5	Peranan PBB menurut Liberalis	146
13.1	Perbandingan Teori Kritikal dan Perspektif Tradisional dalam Hubungan Antarabangsa	308
16.1	Jenis strategi <i>Hedging</i>	393
20.1	Perbandingan hujah keselamatan tradisional dan keselamatan bukan tradisional	558
22.1	Pemikiran strategi perang	612
22.2	Perbandingan peperangan	631

# SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
<b>5.1</b>	Pembentukan dasar luar melalui lensa realisme neoklasik	90
<b>5.2</b>	Model Teoretikal NCR	107
<b>10.1</b>	Order antarabangsa berdasarkan pandangan Bull	247
<b>15.1</b>	Ilustrasi pokok perkembangan saintifik di mana falsafah adalah akar dan prinsipal; kemudian Sosiologi dan Politik (termasuk Hubungan Antarabangsa) sebagai sebahagian daripada Sains Sosial-Manusia	351
<b>19.1</b>	Isu-isu domestik-antarabangsa	534
<b>22.1</b>	Gambaran Tingkat Analisis Waltz	622

# SENARAI SINGKATAN

<b>APMM</b>	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
<b>AS</b>	Amerika Syarikat
<b>ASEAN</b>	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
<b>ASG</b>	Kumpulan Abu Sayyaf
<b>AUKUS</b>	<i>Australia-United Kingdom-United States</i>
<b>BAGHUS</b>	<i>Bangi Approach to Human Security</i>
<b>BN</b>	Barisan Nasional
<b>BoP</b>	<i>Balance of Power</i>
<b>CHS</b>	<i>Council for Human Security</i>
<b>COPRI</b>	<i>Copenhagen Peace Research Institute</i>
<b>CSCP</b>	<i>Council for Security Cooperation in the Asia Pacific</i>
<b>DKKA</b>	Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam
<b>DKN</b>	Dasar Keselamatan Negara
<b>DPN</b>	Dasar Pertahanan Negara
<b>DPT</b>	Dasar Pandang Ke Timur
<b>DPT</b>	Teori Kebergantungan
<b>ESS</b>	<i>European Security Strategy</i>
<b>FIFA</b>	Persatuan Bola Sepak Antarabangsa
<b>FOIP</b>	<i>Free-and-Open-Indo-Pacific</i>
<b>GAM</b>	Gerakan Aceh Merdeka
<b>GATT</b>	Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan
<b>GGP</b>	<i>Grant Assistance for Grass-Roots Human Security Projects</i>
<b>GS</b>	Global Selatan
<b>GU</b>	Global Utara
<b>GWOT</b>	Perang Global Menentang Keganasan
<b>HS</b>	Keselamatan Insan

<b>IAEA</b>	Agensi Tenaga Atom Antarabangsa
<b>IBRD</b>	<i>International Bank for Reconstruction and Development</i>
<b>ICISS</b>	<i>International Commission on Intervention and State Sovereignty</i>
<b>ICJ</b>	Mahkamah Keadilan Antarabangsa
<b>ICRC</b>	Palang Merah Antarabangsa
<b>ICSID</b>	<i>The International Center for Settlement of Investment Disputes</i>
<b>IDA</b>	<i>The International Development Association</i>
<b>IDP</b>	<i>Internally Displaced Persons</i>
<b>IEA</b>	<i>International Energy Agency</i>
<b>IFC</b>	<i>International Finance Corporation</i>
<b>IGO</b>	Organisasi Kerajaan Antarabangsa
<b>IMF</b>	Tabung Kewangan Antarabangsa
<b>IMO</b>	<i>International Maritime Organization</i>
<b>INGO</b>	Organisasi Antarabangsa Bukan Negara
<b>IO</b>	Organisasi Antarabangsa
<b>IOC</b>	Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa
<b>IoT</b>	<i>Internet of Things</i>
<b>IPE</b>	Ekonomi Politik Antarabangsa
<b>IPEF</b>	<i>Indo-Pacific Economic Framework for Prosperity</i>
<b>IR</b>	Hubungan Antarabangsa
<b>IRG</b>	IR Global
<b>IRT</b>	Teori IR bukan non-Barat
<b>IS</b>	<i>Islamic State (IS)</i>
<b>ISIS</b>	<i>Islamic State of Iraq and Syria</i>
<b>ITLOS</b>	<i>International Tribunal on the Laws of the Sea</i>
<b>JI</b>	Jemaah Islamiah
<b>JICA</b>	Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun
<b>KBBI</b>	Kamus Besar Bahasa Indonesia

<b>KDNK</b>	Keluaran Kasar Dalam Negara
<b>LNG</b>	<i>Liquefied Natural Gas</i>
<b>LTTE</b>	<i>Liberation Tigers of Tamil Elam</i>
<b>MIGA</b>	<i>Multilateral Investment Guarantee Agency</i>
<b>MILF</b>	Barisan Pembebasan Islam Moro
<b>MNC</b>	Syarikat Multinasional
<b>MNLF</b>	Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro
<b>MSC</b>	Jawatankuasa Keselamatan Maritim
<b>MYISA</b>	Persatuan Hubungan Antarabangsa Malaysia
<b>NAM</b>	Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
<b>NATO</b>	Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara
<b>NCR</b>	<i>Neoclassical Realism</i>
<b>NGO</b>	Organisasi Bukan Kerajaan
<b>OSCE</b>	Organisasi untuk Keselamatan dan Kerjasama di Eropah
<b>PBB</b>	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<b>PCA</b>	<i>Permanent Court of Arbitration</i>
<b>PD</b>	<i>Prisoner's Dilemma</i>
<b>PH</b>	Pakatan Harapan
<b>PKM</b>	Parti Komunis Malaya
<b>PN</b>	Perikatan Nasional
<b>QUAD</b>	<i>Quadrilateral Dialogue</i>
<b>R2P</b>	<i>Responsibility to Protect</i>
<b>RCEP</b>	<i>Regional Comprehensive Economic Partnership</i>
<b>RSCT</b>	<i>Regional Security Complex</i>
<b>SLN</b>	<i>Sri Lankan Navy</i>
<b>SLOC</b>	<i>Sea lines of communication (SLOC)</i>
<b>SM</b>	Sebelum Masihi
<b>SUA</b>	<i>Convention for the Suppression of Unlawful Acts against the Safety of Maritime Navigation</i>

<b>TOC</b>	Jenayah Rentas Sempadan
<b>TPP</b>	<i>Trans-Pacific Partnership</i>
<b>UK</b>	<i>United Kingdom</i>
<b>UNCLOS</b>	<i>United Nations Convention on the Law of the Sea</i>
<b>UNDP</b>	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
<b>UNESCO</b>	Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu
<b>UNHCR</b>	Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian
<b>UNODC</b>	<i>United Nations Office on Drugs and Crime</i>
<b>UNTFHS</b>	Tabung Amanah PBB untuk Keselamatan Manusia
<b>VUCA</b>	<i>Volatile, Uncertain, Complex, Ambiguous</i>
<b>WKB</b>	Wawasan Kemakmuran Bersama
<b>WMD</b>	Senjata Pemusnah Besar-Besaran
<b>WTO</b>	Pertubuhan Perdagangan Dunia
<b>WWF</b>	<i>World Wildlife Fund</i>

## PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**B**uku ini merupakan hasil daripada salah satu projek penting dalam usaha menghasilkan buku teks yang komprehensif bagi subjek Hubungan Antarabangsa di Malaysia. Subjek ini telah lama menjadi salah satu disiplin utama yang diajar di universiti-universiti awam dan swasta di seluruh negara, namun sehingga kini belum terdapat satu karya yang sepenuhnya ditulis oleh sarjana tempatan yang mampu memberikan penekanan kepada teori dan konsep dalam Hubungan Antarabangsa sesuai dengan konteks dan keperluan pengajaran di Malaysia.


Meskipun terdapat beberapa sumber rujukan utama dalam bahasa Inggeris yang digunakan secara meluas, kekurangan bahan rujukan dalam bahasa Malaysia terus dirasai khususnya dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar di peringkat tempatan. Menyedari akan keperluan ini, maka Program Hubungan Antarabangsa di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama-sama dengan sokongan beberapa sarjana yang berpengalaman dalam bidang Hubungan Antarabangsa dan Politik dari pelbagai institusi pendidikan tinggi di Malaysia dan Indonesia telah mengambil inisiatif ini untuk mengisi kekosongan tersebut.

Buku suntingan ini merupakan hasil usaha kolektif tenaga pengajar yang pakar dalam bidang-bidang berkenaan dan ia dirangka untuk mempersembahkan teori-teori serta konsep-konsep penting dalam Hubungan Antarabangsa yang lebih memfokuskan kepada perspektif tempatan dan rantau Asia Tenggara. Melalui pembahasan yang teliti dan penyusunan yang sistematik, diharapkan buku ini bukan sahaja dapat menjadi rujukan utama bagi para pelajar dan

penyelidik dalam bidang ini tetapi juga mampu memupuk pemahaman yang lebih mendalam terhadap dinamik hubungan antarabangsa khususnya yang berkaitan dengan konsep dan teori dalam hubungan antarabangsa dalam memahami landskap politik antarabangsa yang kompleks dan dinamik ini.

Para penulis berharap agar buku ini kelak dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam memperkukuh bidang pengajian Hubungan Antarabangsa di negara ini sambil menggalakkan perbincangan dan kajian yang lebih mendalam mengenai teori dan konsep dalam bidang bagi memperkasakan lagi bidang akademik tempatan dengan penghasilan ilmu yang relevan dan berdaya saing.

## PENGHARGAAN



**S**yukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, buku suntingan *Teori dan Konsep dalam Hubungan Antarabangsa* akhirnya berjaya disiapkan. Dalam usaha menyiapkan buku ini, para penyunting dan penulis ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung, serta yang telah memberikan sokongan dan kerjasama berterusan sehingga ke peringkat akhir penerbitan. Ucapan penghargaan khusus ditujukan kepada Profesor Datuk Dr. Kasim Hj Mansor, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), atas sokongan padu dalam menggalakkan penerbitan buku akademik di peringkat universiti, yang akhirnya telah membawa kepada terbitnya buku ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan penyumbang dari pelbagai universiti di Malaysia dan Indonesia yang telah berusaha gigih menyiapkan bab masing-masing. Tanpa komitmen dan dedikasi kalian, buku ini tidak mungkin dapat dihasilkan dengan sempurna. Tidak dilupakan rakan-rakan dari Program Hubungan Antarabangsa yang menjadi tulang belakang dalam merealisasikan projek ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan di Persatuan Pengajian Antarabangsa Malaysia (MyISA) atas sokongan berterusan terhadap inisiatif ini. Sokongan kalian menjadi sumber kekuatan bagi para penyunting dalam menyiapkan buku ini dengan penuh dedikasi. Setulus penghargaan juga diucapkan kepada pembantu penyelidik, Firdaus, Qhairana, dan Syahira, yang telah banyak membantu dalam proses penyemakan, penyusunan, dan penyuntingan buku ini. Sumbangan kalian amat dihargai. Para penulis ingin merakamkan ucapan

terima kasih dan penghargaan kepada Penerbit UMS atas dana penerbitan yang telah memungkinkan terbitnya buku ini. Sokongan dan kerjasama daripada semua pihak amat bermakna dalam menjayakan projek ini.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada keluarga kami. Sesungguhnya buku ini tidak akan berjaya direalisasikan tanpa sokongan keluarga yang amat memahami kerjaya sebagai seorang pensyarah. Hakikatnya, buku ini jauh dari sempurna dan kami mengharap ia sebagai permulaan dalam meneroka ilmu dalam bidang hubungan antarabangsa. Dalam hal ini, para penulis bersedia menerima komen dan teguran membina daripada pembaca bagi memperbaiki mutu dan persembahan buku seperti ini pada masa akan datang. Diharapkan buku ini kelak mampu memberi manfaat kepada semua pihak.

Ramli Dollah  
Rizal Zamani Idris  
Asmady Idris  
Lai Yew Meng  
Kamarulnizam Abdullah  
**Universiti Malaysia Sabah**  
**2025**



# BAB 1

## DINAMIKA DAN KEPELBAGAIAN PERSPEKTIF DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA

Ramli Dollah  
Rizal Zamani Idris  
Asmady Idris  
Lai Yew Meng  
Kamarulnizam Abdullah

---

### 1.0 PENGENALAN

**D**alam era globalisasi yang semakin kompleks, teori dan konsep dalam hubungan antarabangsa memainkan peranan penting dalam menjelaskan fenomena global. Perkembangan pesat politik antarabangsa menyebabkan isu-isu global tidak lagi terhad kepada aspek ketenteraan dan diplomasi semata-mata. Sebaliknya, isu-isu ini kini merangkumi pelbagai dimensi lain, termasuk ekonomi, kebudayaan, hak asasi manusia dan keselamatan bukan ketenteraan. Hal ini selaras dengan tulisan Walt (1998) yang bertajuk *One World, Many Theories* yang menekankan kepelbagaian teori dalam menerangkan fenomena antarabangsa. Setiap teori dan konsep dalam bidang ini mempunyai sejarah dan pendekatan tersendiri dalam memahami isu-isu yang berbangkit di peringkat global. Guilhot (2011) menekankan hal ini dengan menyatakan bahawa hubungan antarabangsa adalah *One Discipline, Many Histories*, menggambarkan bagaimana pelbagai perspektif dan pendekatan sejarah telah membentuk cara kita memahami disiplin ini. Sehubungan itu, buku ini bertujuan menyediakan panduan komprehensif mengenai teori dan konsep utama yang mendasari bidang kajian hubungan antarabangsa, bagi membantu pembaca memahami kerangka pemikiran yang membentuk analisis dan perbincangan dalam disiplin ini.

Secara keseluruhannya, buku ini membincangkan cara memahami teori dan konsep dalam Hubungan Antarabangsa (IR). Pendekatan ini dilakukan dengan membincangkan asas kepada teori tersebut, andaian utama, serta perbezaan dan persamaan antara pelbagai perspektif teori IR. Melalui kaedah ini, diharapkan pembaca akan memperoleh pemahaman tentang bagaimana teori IR boleh diterapkan kepada pelbagai peristiwa sejarah dan semasa yang berlaku di peringkat antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa teori hubungan antarabangsa memainkan peranan penting dalam membantu kita memahami dinamika politik global dan bagaimana negara serta aktor bukan negara berinteraksi dalam sistem antarabangsa. Dalam realiti sebenar, konsep-konsep utama dalam teori seperti Realisme, Liberalisme, Konstruktivisme, Marxisme dan teori-teori lain dapat digunakan untuk menjelaskan pelbagai fenomena, termasuk persaingan kuasa besar, perdagangan global, konflik dan ancaman bukan tradisional di peringkat antarabangsa. Realisme dan beberapa cabang teori tersebut misalnya menekankan bagaimana negara bertindak mengikut kepentingan nasional dan keseimbangan kuasa dalam keadaan sistem antarabangsa yang bersifat anarki (Waltz, 1979). Hal ini dapat dilihat dalam perlumbaan senjata antara Amerika Syarikat dan China, di mana kedua-dua negara berusaha mengekalkan kelebihan ketenteraan mereka bagi mengimbangi kuasa di rantau Indo-Pasifik pada hari ini. Begitu juga, konsep Liberalisme (dan Neo-liberalisme) yang menjelaskan kepentingan kerjasama dan organisasi antarabangsa dalam mengekalkan kestabilan global. Kesatuan Eropah (EU) dan ASEAN, misalnya mengamalkan prinsip ini dengan membina integrasi ekonomi dan politik yang memperkukuh keamanan serantau (Keohane & Nye, 1989).

Selain itu, teori Hubungan Antarabangsa turut membantu memahami konflik dan penyelesaiannya. Konstruktivisme, sebagai contoh menerangkan bagaimana identiti dan norma membentuk tingkah laku negara (Wendt, 1999). Konflik Israel-Palestin bukan hanya berkisar pada

perebutan wilayah tetapi juga melibatkan naratif sejarah, agama dan identiti nasional yang menjadi penyebab utama kepada ketegangan yang berlanjutan. Teori Marxisme dan World System Theory pula dapat digunakan untuk menganalisis ketidakseimbangan ekonomi antara negara maju dan membangun, di mana sistem kapitalis global menyebabkan negara-negara Selatan terus berada dalam kedudukan ekonomi yang lemah berbanding negara-negara Utara (Wallerstein, 2011). Tambahan pula, dalam konteks ancaman moden seperti keganasan, perubahan iklim dan pandemik, teori sekuritisasi membantu menjelaskan bagaimana sesebuah isu boleh diangkat sebagai ancaman keselamatan berdasarkan kepentingan politik negara. Sebagai contoh, pandemik COVID-19 membawa kepada kawalan sempadan yang ketat dan langkah keselamatan luar biasa yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini. Oleh itu, teori dan konsep dalam hubungan antarabangsa bukan sekadar konsep akademik tetapi berfungsi sebagai alat analisis yang membantu memahami dan menangani cabaran global dalam dunia nyata. Inilah yang menjadi matlamat utama yang ingin ditawarkan di dalam buku ini. Oleh itu, diharapkan agar sesiapa sahaja yang membaca buku ini dapat memahami mengapa terdapat kepelbagaian perspektif teori dan konsep dalam IR. Pada masa yang sama, pembaca juga dapat memahami mengapa terdapat pelbagai tafsiran dan perspektif yang berbeza dalam menganalisis peristiwa yang sama yang berlaku dalam politik antarabangsa. Hal ini sekali gus menunjukkan kedinamikan, kepelbagaian dan keunikan teori serta konsep IR dalam memahami politik antarabangsa yang semakin kompleks pada hari ini.

## **1.2. SUBJEK HUBUNGAN ANTARABANGSA DI MALAYSIA**

Teori Hubungan Antarabangsa menyediakan kerangka untuk memahami bagaimana negara dan pelaku antarabangsa lain berinteraksi di pentas global. Terdapat pelbagai teori yang telah dikembangkan sejak berabad-abad lalu, masing-masing menawarkan perspektif unik

dalam memahami peristiwa tertentu yang berlaku. Meskipun realisme dan beberapa varian teori ini masih dianggap sebagai teori dominan dalam Hubungan Antarabangsa, kemunculan teori-teori baharu seperti liberalisme, konstruktivisme dan beberapa teori lain terus menyumbang kepada pemahaman tentang dunia serta membantu menganalisis perkembangan semasa dalam politik antarabangsa (Baylis *et al.*, 2020; Dunne *et al.*, 2020).

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, dunia telah menyaksikan perubahan besar dalam cara negara berinteraksi antara satu sama lain. Globalisasi telah menjadi faktor utama yang membentuk corak hubungan antarabangsa moden, di mana sempadan antara negara semakin kabur dan interaksi antara pelbagai aktor menjadi semakin kompleks. Perdagangan antarabangsa, teknologi komunikasi dan migrasi manusia telah menghubungkan negara dan masyarakat dengan cara yang belum pernah dilihat sebelum ini. Kesan globalisasi ini menuntut pemahaman yang lebih mendalam mengenai dinamika dan kerangka yang mendasari hubungan antarabangsa.

Seiring dengan perubahan ini, teori dan konsep baharu dalam Hubungan Antarabangsa terus muncul dan berkembang. Para sarjana dan pengamal dalam bidang ini sentiasa berusaha untuk menganalisis dan mentafsirkan peristiwa serta trend global dengan menggunakan pelbagai pendekatan teoretis. Teori dan konsep ini bukan sahaja membantu kita memahami peristiwa semasa, tetapi juga memberikan panduan untuk menjangka cabaran-cabaran masa depan. Kemunculan teori-teori baharu ini mencerminkan usaha berterusan untuk menjelaskan kompleksiti politik antarabangsa yang semakin meningkat.

Di Malaysia, subjek Hubungan Antarabangsa merupakan antara subjek utama yang diajar di beberapa buah universiti awam dan swasta. Sehingga kini, antara universiti awam yang menawarkan bidang ini adalah seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia

(UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan juga Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Selain itu, antara universiti swasta yang menawarkan subjek ini adalah seperti University of Nottingham Malaysia, Asia Pacific University (APU), Taylor's University dan Monash University (Dollah & Omar, 2014; Balakrishnan, 2009; Kuik & Benny, 2024).

Walau bagaimanapun, satu kekangan utama yang dihadapi oleh mereka yang ingin mendalami bidang hubungan antarabangsa adalah ketiadaan rujukan lengkap yang ditulis dalam bahasa Melayu. Kebanyakan sumber yang ada ditulis dalam bahasa Inggeris, yang boleh menjadi halangan bagi mereka yang kurang mahir dalam bahasa tersebut atau masih di peringkat awal dalam memahami teori, konsep dan isu dalam Hubungan Antarabangsa. Seperti yang diujulkan oleh Kuik dan Benny (2024), sehingga kini terdapat beberapa buku teks yang digunakan di universiti tempatan. Antara buku tersebut adalah seperti tulisan Sity Daud dan Zarina Othman (2005); Kamarulnizam Abdullah (2010); Ramli Dollah dan Marja Azlima Omar (2014); dan Roy Anthony Rogers, Tunku Mohar Mokhtar dan Wan Sharina Ramlah Wan Ahmad Amin Jaffri (2022). Namun, penelitian ke atas kesemua buku ini menunjukkan bahawa masih terdapat kekosongan yang perlu diisi, terutama yang berkaitan dengan teori hubungan antarabangsa dan perkembangan politik kontemporari yang berlaku pada hari ini.

Buku ini hadir untuk mengisi kekosongan tersebut dengan menyediakan satu rujukan yang komprehensif dan mudah diperolehi dalam bahasa Melayu. Buku ini juga bertujuan memudahkan pembaca dari pelbagai latar belakang untuk memahami dan mengaplikasikan teori serta konsep dalam hubungan antarabangsa. Perbincangan yang lebih mudah, kritis dan menyeluruh tentang hubungan antarabangsa dengan menggabungkan pelbagai perspektif dan analisis yang komprehensif mampu menjadikan buku ini sebagai rujukan penting bagi pelajar, penyelidik dan

pengamal dalam bidang ini. Kami berharap buku ini dapat menyumbang kepada pengembangan ilmu pengetahuan dan meningkatkan pemahaman tentang dinamika politik global dalam kalangan pembaca.

Oleh itu, kami berharap agar buku ini kelak mampu menyediakan pembaca dengan pemahaman yang mendalam mengenai teori dan konsep dalam Hubungan Antarabangsa. Dengan menggabungkan pelbagai perspektif dan pendekatan, diharapkan buku ini dapat memperkaya wacana akademik dan menyumbang kepada perbincangan yang lebih konstruktif tentang masa depan hubungan antarabangsa. Harapan kami adalah agar buku ini dapat menjadi rujukan yang berguna bagi pelajar, penyelidik dan pengamal dalam bidang hubungan antarabangsa, serta sesiapa sahaja yang berminat untuk memahami dinamika politik global.

Di samping itu, buku ini hadir selari dengan keperluan bidang hubungan antarabangsa yang sentiasa berkembang dan dinamik. Perkembangan teknologi, perubahan iklim, terorisme dan pandemik adalah antara isu-isu global yang mempengaruhi cara negara berinteraksi dan bekerjasama. Buku ini akan meneroka bagaimana isu-isu ini dan banyak lagi cabaran lain menuntut pendekatan yang baharu dan inovatif dalam memahami Hubungan Antarabangsa. Dengan mengupas pelbagai faktor yang mempengaruhi interaksi antarabangsa, buku ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih luas dan mendalam tentang politik antarabangsa pada hari ini.

### **1.3 TENTANG BUKU INI**

Buku ini secara keseluruhannya mengandungi 18 bab termasuk bab Pengenalan dan Kesimpulan. Bab pengenalan yang disusun oleh Ramli Dollah, Rizal Zamani Idris, Asmady Idris, Lai Yew Meng dan Kamarulnizam Abdullah membincangkan kepentingan menghasilkan buku ini dalam memenuhi kekurangan sumber akademik dalam bidang Hubungan Antarabangsa di Malaysia (dan Indonesia). Berlandaskan pengalaman dalam konteks Malaysia, para penulis berpendapat bahawa terdapat keperluan mendesak untuk

menghasilkan sebuah buku yang dapat memperkenalkan serta menghuraikan konsep dan teori Hubungan Antarabangsa secara menyeluruh. Melalui gabungan idea dan perspektif dari beberapa sarjana Malaysia dan Indonesia, bab-bab yang dihasilkan mampu memperkayakan wacana akademik tempatan dengan teori serta konsep yang disampaikan dalam bahasa Malaysia dan Indonesia. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas capaian ilmu Hubungan Antarabangsa kepada pembaca di rantau ini tetapi juga memperkukuh kemampuan untuk mengupas isu-isu global melalui perspektif yang lebih dekat dan relevan bagi komuniti serantau.

Perbincangan pertama bab di dalam buku ini bermula dengan tulisan Wan Shawaluddin Wan Hassan yang mengupas konsep Realisme Klasik dalam Hubungan Antarabangsa, yang berakar pada pemikiran Thucydides, Machiavelli dan Hobbes. Realisme Klasik menekankan bahawa manusia cenderung mementingkan diri dan negara-negara berusaha memaksimumkan kuasa dalam sistem antarabangsa yang anarki. Bahagian utama bab ini meliputi sejarah, prinsip asas, penerapan Realisme Klasik dalam amalan antarabangsa, serta kritikan dan kerelevanannya dalam konteks moden. Bagi penulis, meskipun sering dikritik, Realisme Klasik kekal relevan dalam memahami persaingan kuasa global dan konflik seperti kebangkitan China dan dinamika era globalisasi. Bab ini juga membincangkan penerapan teori ini dalam konteks sejarah penting seperti Perang Peloponnesian dan Perang Dingin, yang menekankan kepentingan nasional dan keselamatan dalam memahami tindakan negara. Di samping itu, bab ini turut meneroka kritikan dari aliran Idealist dan Liberal yang menekankan peranan institusi antarabangsa dalam mengurangkan konflik. Akhirnya, penulis menghujahkan bahawa Realisme Klasik masih menjadi paradigma utama dalam memahami politik antarabangsa. Namun, ia menekankan tentang keperluan untuk menyesuaikan teori ini dengan perubahan sistem global yang berlaku.

Bab seterusnya masih membincangkan teori realisme dalam Hubungan Antarabangsa. Dalam hal ini, bab oleh

Ali Maksum bertajuk *Realisme Defensif* melihat salah satu cabang utama dalam realisme iaitu Realisme Defensif. Penulis berhujah bahawa teori ini menekankan aspek keselamatan demi memastikan keamanan dan kesejahteraan hidup mereka di tengah-tengah negara berkuasa besar. Penulis seterusnya berusaha memahami premis utama teori ini dan berusaha mengaplikasikan teori ini dalam memahami hubungan dua hala Indonesia-Malaysia semasa era Suharto di samping turut menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan hubungan dua hala Indonesia-Malaysia pada era tersebut. Dalam hal ini, penulis menghujahkan bahawa selain daripada realisme defensif, terdapat faktor lain yang meningkatkan pembentukan hubungan dua hala Indonesia-Malaysia, antaranya pembentukan ASEAN (1967) dan pentadbiran Suharto yang menekankan kestabilan dalam negara bagi meningkatkan kerjasama erat dengan Malaysia dalam pelbagai aspek seperti ekonomi dan perdagangan.

Salah satu elemen penting teori realisme dalam hubungan antarabangsa adalah berkait dengan konsep keselamatan nasional. Untuk itu, bab oleh Kamarulnizam Abdullah bertajuk *Keselamatan Negara: Perubahan dan Transformasi* membahas evolusi konsep keselamatan negara dalam bidang Hubungan Antarabangsa, dengan meneliti pendekatan dan cabaran dalam menganalisis ancaman terhadap keselamatan nasional. Menurut beliau, secara tradisi, keselamatan negara dipengaruhi oleh konteks Perang Dingin dan dominasi pemikiran Barat yang mengutamakan keselamatan berasaskan kekuatan negara dan ancaman ketenteraan. Namun, perubahan global memaksa pandangan baharu terhadap keselamatan yang tidak lagi terbatas kepada aspek ketenteraan, tetapi meluas kepada ancaman bukan ketenteraan seperti isu ekonomi, sosial dan alam sekitar yang turut mempengaruhi kestabilan negara. Bab ini juga menekankan perbezaan pemahaman keselamatan antara negara maju dan negara membangun, di mana negara membangun menghadapi dilema dalaman yang kompleks seperti isu identiti nasional dan kestabilan politik. Dalam konteks Malaysia, keselamatan nasional mencakupi bukan

hanya perlindungan wilayah tetapi juga pembangunan sosial dan kestabilan politik yang penting dalam menghadapi ancaman dari luar dan dalam. Bab ini menyeru agar konsep keselamatan negara terus berkembang seiring dengan perubahan ancaman global, untuk memastikan kestabilan dan kelangsungan sesebuah negara.

Bab seterusnya masih berkaitan dengan teori realisme dengan usaha melihat kepada salah satu cabang utama teori ini iaitu Realisme Neoklasik (NCR). Untuk itu, bab oleh Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan, Mohd Ikbal Mohd Huda dan Sity Daud menggunakan perspektif realisme neoklasik (NCR) untuk menilai tingkah laku negara kecil dalam merangka *Grand Strategy* berhadapan dengan kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) dan China. Beliau berhujah bahawa perubahan dalam kekuatan dan pengaruh AS yang semakin merosot, berbanding dengan kenaikan China dalam aspek keselamatan, ekonomi dan kuasa lunak, mencetuskan ketidaktentuan dalam politik antarabangsa. Bab ini mengusulkan tiga objektif utama: (1) menganalisis faktor yang mempengaruhi dasar luar negara kecil dalam menghadapi tekanan antarabangsa, (2) mengkaji kemampuan negara kecil dalam mengadaptasi *Grand Strategy* dan (3) menilai kegunaan NCR dalam memahami strategi negara kecil terhadap kuasa besar. Penulis menghujahkan bahawa negara kecil juga menggunakan *Grand Strategy* untuk menavigasi cabaran tradisional dan bukan tradisional. NCR terbukti signifikan melalui empat indikator: persaingan kuasa besar mempengaruhi strategi negara kecil, peranan individu dan faktor domestik, pengaruh sistem antarabangsa dalam penstrukturan dasar dan interaksi struktur antarabangsa serta domestik dalam pembentukan strategi dan tindakan negara kecil.

Bab seterusnya adalah perbincangan berkenaan *Liberalisme* oleh Aini Fatimah Roslam. Liberalisme merupakan salah satu teori normatif dan analitikal yang utama dalam bidang hubungan antarabangsa. Ia berpandukan kepada kepercayaan bahawa manusia pada dasarnya rasional dan cenderung kepada kerjasama,

Buku ***Teori dan Konsep dalam Hubungan Antarabangsa*** merupakan karya komprehensif yang menghimpunkan pelbagai perspektif penting dalam bidang ini. Ia membincangkan teori aliran perdana seperti Realisme, Liberalisme dan Marxisme, di samping memasukkan pendekatan alternatif termasuk Konstruktivisme, Feminisme, Pasca-Strukturalisme, Pasca-Kolonialisme, Teori Kritikal dan lain-lain. Selain itu, buku ini turut memperkenalkan perbincangan teori dan konsep kontemporari dalam subbidang hubungan antarabangsa, khususnya kajian keselamatan dan dasar luar melalui beberapa bab yang menyentuh tentang Keselamatan Insan, Keselamatan Maritim, Sekuritisasi, Hegemoni, Strategi Ketenteraan dan pendekatan *Hedging*. Sebagai buku pertama yang memberi tumpuan kepada teori dan konsep asas dalam konteks Malaysia, ia bukan sahaja mengisi kekosongan rujukan akademik berbahasa Melayu, tetapi juga memperkaya wacana ilmiah dalam bidang ini melalui kepakaran sarjana dari pelbagai universiti di Malaysia dan Indonesia. Justeru, buku ini merupakan rujukan penting dan wajib dibaca oleh pelajar, penyelidik, pembuat dasar serta sesiapa sahaja yang ingin memahami politik global yang semakin kompleks dan dinamik pada hari ini.



**Penerbit** **UMS**



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
1994-2024

ISBN 978-629-7662-67-1



9 786297 662671



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA